



# KENYATAAN MEDIA

## BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT (BBP) SRI PETALING TINGKATKAN PENCAPAIAN *RESPONSE TIME* BOMBA DI BANDAR RAYA KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 28 Februari 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sri Petaling pada petang ini. Kewujudan BBP Sri Petaling yang merupakan BBP ke-19 di Kuala Lumpur ini dilihat sangat signifikan memandangkan Sri Petaling merupakan kawasan *sub-urban hotspot* dengan kepadatan kawasan perumahan yang tinggi serta *commercial hubs* yang menjadi tumpuan ramai.

Selain itu, lokasi BBP Sri Petaling yang terletak di persimpangan tiga lebuh raya utama di Kuala Lumpur iaitu Shah Alam Expressway (KESAS), Maju Expressway (MEX) dan Kuala Lumpur – Seremban Expressway, menjadikan kawasan Sri Petaling antara kawasan yang mempunyai kedudukan yang strategik. Ini membolehkan masa tindak balas (*response time*) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) terhadap panggilan kecemasan dapat dipercepatkan ketika menangani situasi kecemasan dan operasi menyelamatkan.

YB KM berkata, “Pengoperasian Balai Bomba dan Penyelamat Sri Petaling berupaya meningkatkan pencapaian *response time* Balai Bomba Bukit Jalil dalam memberi perkhidmatan kebombaanan kepada masyarakat sekitar. Ia turut menyumbang kepada perkhidmatan kebombaanan dengan lebih cepat, cekap dan meningkatkan keberkesanan pengoperasian di kawasan tersebut.”

Pada tahun 2022, purata *response time* yang direkodkan bagi Kuala Lumpur adalah 7.29 minit, di mana ia menurun sebanyak 1.6% berbanding 7.41 minit purata *response time* yang direkodkan bagi tahun 2021.

### ‘CEPAT DAN MESRA’



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO QMS 02101

CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO ABMS 00216

Sementara itu, sebuah lagi balai bomba dan penyelamat dijadualkan siap pada penghujung Mac 2023 dan bakal beroperasi iaitu BBP Manjalara, manakala projek pembinaan Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur yang baharu juga kini dalam proses reka bentuk dan proses perolehan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

YB KM dalam majlis sama, turut menegaskan bahawa penglibatan aktif Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Pasukan Bomba Komuniti (PBK) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini memainkan peranan penting dalam membantu pihak bomba memberikan bantuan kecemasan dengan lebih awal apabila berlakunya sebarang insiden kecemasan.

Justeru, KPKT menyeru dan menggalakkan lebih ramai ahli komuniti dan pemimpin masyarakat bergiat aktif dengan menjalinkan kerjasama strategik dan penglibatan inklusif semua pihak ke arah pembentukan komuniti berdaya tahan (*resilience community*) dan penyelamat nyawa rakyat (*citizen life saver*).

KPKT terus komited dalam memastikan perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan yang responsif dan efektif melalui Program Pemerkasaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) yang merupakan salah satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri KPKT. Ini selari dengan bidang fokus utama kementerian ketujuh iaitu memperkukuh kesiapsiagaan kebombaanan dan penyelamatan yang sejahtera.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan YAS Dato' Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Pengurusan Korporat  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
28 Februari 2023